

:: SYARAT PERMOHONAN :: :: ELAUN :: :: KAEDAH PERMOHONAN :: :: PERTANYAAN ::

BIASISWA SUKAN IPT KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Biasiswa Sukan ini merupakan satu galakan kepada atlet yang cemerlang dalam bidang sukan serta mempunyai potensi akademik yang baik untuk meneruskan pengajian di IPT.

Tawaran Biasiswa Sukan ini terbuka kepada semua atlet yang bergiat aktif dalam semua bidang sukan yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Majlis Sukan Negara (MSN).

Penerima Biasiswa Sukan IPT ini tidak mempunyai ikatan kontrak untuk berkhidmat dengan kerajaan. Walau bagaimanapun, pemegang adalah digalakkan untuk menyumbang ke arah pembangunan sukan negara apabila tamat pengajian kelak.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Warganegara Malaysia yang tidak melebihi umur seperti ketetapan berikut pada tarikh tutup permohonan :
 - 1.1 **45 tahun** bagi pengajian di peringkat **Ijazah Lanjutan (Sarjana / Dr. Falsafah)**
 - 1.2 **30 tahun** bagi pengajian di peringkat **Ijazah Pertama**
 - 1.3 **25 tahun** bagi pengajian di peringkat **Diploma**
2. Kursus pengajian adalah terbuka kepada semua bidang yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Malaysian Qualification Agency (MQA) di IPTA, **Politeknik dan IPTS (bertaraf Universiti dan Kolej Universiti sahaja)**. Walau bagaimanapun, bagi kursus kritikal seperti perubatan, farmasi dan pergigian hanya ditawarkan kepada pengajian di IPTA sahaja.
3. **Tidak menerima sebarang tajaan / biasiswa daripada mana-mana institusi / agensi kerajaan / swasta** yang lain semasa permohonan dibuat.
4. Pemohon **tidak berkhidmat dengan mana-mana organisasi / berpendapatan tetap**.
5. Telah mendapat surat tawaran atau sedang mengikuti pengajian sepenuh masa di peringkat **Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Sarjana / Dr. Falsafah** dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Tempatan.
6. Bagi pelajar yang sedang mengikuti pengajian di IPT, perlu :
 - 6.1 Mendapat keputusan akademik sekurang-kurangnya **PNGK 2.50 bagi atlet IPT** atau memperoleh **PNGK 2.00 bagi atlet Negara** pada semester terkini sebelum tarikh tutup permohonan bagi pemohon yang sedang mengikuti pengajian di IPT.
 - 6.2 Memiliki baki pengajian **sekurang-kurangnya 1 tahun** dan ke atas di mana-mana IPT.
7. Pelajar masih bergiat aktif sebagai atlet dengan pencapaian **sekurang-kurangnya** memenangi pingat dalam Sukan Malaysia (SUKMA)/ Sukan Universiti ASEAN (SUA)/ Kejohanan Kebangsaan yang diiktiraf atau PINGAT EMAS di Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) sebelum tarikh tutup permohonan.

ELAUN DAN KEMUDAHAN

1. Yuran pengajian dibayar mengikut kadar yang dituntut oleh IPT.
2. Elaun sara hidup, elaun buku, elaun perkakas, elaun tesis dan elaun latihan amali/ kertas projek adalah mengikut kadar biasiswa dalam negara yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.
3. Elaun Insentif Pencapaian Sukan mengikut kategori yang ditetapkan.

Kategori 1 (Atlet Elit Antarabangsa)	RM 1000 sebulan
Kategori 2 (Atlet Senior/ Junior Antarabangsa)	RM 500 sebulan
Kategori 3 (Atlet Kebangsaan)	RM 250 sebulan

4. Perlindungan Insuran Sukan dan Kad Perubatan

KAEDAH PERMOHONAN

1. Permohonan dibuka secara atas talian bermula pada **15 Mac sehingga 30 Mac 2016**.
2. Permohonan adalah secara atas talian (online) melalui laman sesawang rasmi Kementerian di url <https://biasiswa.mohe.gov.my/sukan/>
3. Setiap pemohon hanya layak membuat **satu (1) permohonan SAHAJA**.
4. Semakan panggilan temuduga boleh dibuat mulai **7 April 2016 – 14 April 2016** (tertakluk kepada pindaan)
5. Pemohon yang berjaya dipanggil untuk sesi temuduga **DIWAJIBKAN** membawa bersama SATU (1) salinan **cetakan permohonan** dan **Surat Tawaran Pengajian** yang telah **disahkan oleh PEGAWAI SUKAN DARI PUSAT SUKAN IPT** masing-masing dan dokumen sokongan yang berkaitan semasa menghadiri temuduga.
6. Permohonan yang **tidak lengkap** secara automatik **tidak akan dipertimbangkan**.

PERTANYAAN

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi :

**BAHAGIAN SUKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
ARAS 2, NO 2, JALAN P5/6,
PRESINT 5,
62200 W. P. PUTRAJAYA
(u.p. : Encik Abu Kasim Bin Hassan / Puan Nurulhuda Binti Mohd Akhir)**

Tel : 03-8870 6143 / 6581

Faks : 03-8870 6824

Emel : abukasim@mohe.gov.my / huda@mohe.gov.my

***Waktu pejabat SAHAJA [8.:30 pagi hingga 4:30 petang]**

[Utama](#) | [Hubungi Kami](#)

Bahagian Pengurusan Maklumat, Kementerian Pendidikan Tinggi